



# Kolokium Pak Sako bincang Transformasi Pendidikan di Malaysia



Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tampil menganjurkan Kolokium Pak Sako bagi membincangkan tajuk "Transformasi Pendidikan Di Malaysia: Cabaran dan Harapan".

Program ini diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 12 September 2013 yang lalu.

Program mendapat sambutan yang menggalakkan apabila lebih 500 orang di kalangan warga UMP dan masyarakat setempat hadir untuk mengenali lebih dekat perjuangan tokoh pejuang sastera yang disegani iaitu Pak Sako.

Dua ahli panel yang dijemput adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Dr. Zaharani Ahmad manakala Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional, Profesor Madya Datuk Dr. Ali Mohd. Hasan bertindak sebagai pengantara.

Menurut Prof. Dato' Dr. Daing Nasir, kolokium ini dapat meningkatkan pengetahuan dengan memperkasa dan memperkuuhkan bahasa Melayu agar menjadi bahasa pengembangan ilmu pengetahuan dan

teknologi yang berwibawa seiring dengan bahasa lain di dunia.

"Pendidikan negara kini telah mengalami transformasi yang besar dan signifikan bagi membentuk generasi ilmu, modal insan kelas pertama dalam melahirkan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Tambahnya, pendidikan di Malaysia mempunyai banyak cabaran dan melalui kolokium ini diharapkan dapat membincangkan peranan masyarakat dalam menangani cabaran terutamanya bidang pendidikan yang menyumbang kepada pembangunan modal insan dan ekonomi negara.

Selain itu, transformasi pendidikan yang dicetuskan ini dapat mencambahkan kreativiti dan inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran untuk bersaing dalam pasaran kerja yang sungguh kompetitif dan bersifat global.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Dewan Bahasa dan Pustaka, Profesor Dr. Zaharani menyingkap sejarah dan perjuangan bahasa dan kedaulatan Melayu yang banyak diperjuangkan Pak Sako atau nama sebenarnya Ishak Haji Muhammad

yang merupakan pejuang sastera dan pemikir Melayu yang disegani.

Katanya, bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu yang merupakan bahasa perundangan dan juga bahasa yang boleh ditulis dalam pelbagai jenis tulisan. Selain sebagai bahasa rasmi, bahasa ini juga merupakan medan perhubungan dan perpaduan dalam sistem pendidikan negara yang bermula dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi.

Beliau menasihatkan masyarakat dan generasi muda hari ini tuntuk terus mengangkat martabat bahasa Melayu ke suatu aras yang lebih tinggi. Malah dengan mendaulatkan bahasa Melayu ianya merupakan sebagai satu sumbangan besar untuk memperkasa dan mengekalkan identiti dan jati diri bangsa.

Katanya, DBP sentiasa berperanan untuk memasyarakatkan penggunaan bahasa melayu dengan pelbagai kaedah yang telah dilaksanakan.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abd Aziz, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yusserie Zainuddin dan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Profesor Dr. Abd Jalil Borham.